

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PUISI-PUISI CHAIRIL ANWAR:
SATU ANALISIS RESEPSI**

**SHARIFAH HANURA EZWA
BINTI SYED AKBAR**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi
syarat peringkat Sarjana
Sarjana Seni

Fakulti Filem, Teater dan Animasi

Disember 2016

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan penerimaan pembaca bermula dari zaman karya diterbitkan sehingga zaman selepas karya diterbitkan. Fokus utama kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti enam belas (16) buah puisi Chairil Anwar bertemakan perjuangan yang dipilih daripada buku kumpulan puisi “Derai-Derai Cemara” (2000). Penganalisisan ini dibuat menggunakan Teori Resepsi yang dipelopori oleh Hans Robert Jauss dan Wolfgang Iser pada tahun 1965 bagi menekankan pendekatan sinkronik dan diakronik berdasarkan unsur Kritik Sastera. Penelitian dilakukan bagi melihat bagaimana penulisan Chairil Anwar berfungsi sebagai senjata yang memperjuangkan isu-isu seperti ekonomi, politik, budaya, sosial dan kemanusiaan semasa berlakunya penjajahan Belanda dan pendudukan Jepun di Indonesia pada tahun 1940-an. Melalui penelitian 16 buah puisi Chairil Anwar, pengkaji berperanan sebagai pembaca serius yang dapat menghasilkan tanggapan baru berdasarkan pengalaman latar belakang pengkaji (2015). Hal ini diperkuatkan dengan tanggapan-tanggapan kritis yang pernah dilakukan terhadap karya Chairil Anwar. Hasil kajian mendapati bahawa, gagasan Jauss yang menekankan proses horizon harapan pembaca dapat mendorong kepada penyediaan teknik-teknik sastera seperti Unsur Citra Alam, *Evocative Symbolisme*, Penelitian Citraan dan Pola Vertikal / Horizontal yang diterapkan di dalam karya. Kajian ini juga melihat bagaimana puisi-puisi Chairil Anwar berinteraksi dengan pembaca sehingga menghasilkan tiga ekspresi karya dan konsep ini merupakan gagasan Iser yang menekankan kesan tindak balas karya atau “*wirkung*”. Selain dari itu, tanggapan resepsi menerusi kajian ini dapat memperkayakan lagi permaknaan karya Chairil Anwar dan sekaligus menghasilkan gelombang resepsi pembaca. Gambaran puisi-puisi perjuangan Chairil Anwar dapat mendorong ke arah semangat kerana puisinya dicipta bertujuan untuk menentang penjajah. Melalui pemberian makna, pembaca dapat memahami dan menghargai karya Chairil dengan memperkayakan lagi tanggapan yang lebih kritis. Hal ini perlu diberi perhatian kerana puisi yang bertemakan perjuangan ini dapat memberi kesan kepada pembaca semasa dan pembaca di masa akan datang.

PENGHARGAAN

Bismillah-hir-Rahman-nir-Rahim. Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, saya berjaya menyiapkan tesis sarjana ini. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung bagi membantu saya melengkap kajian ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu saya dan Allahyarham bapa saya Syed Akbar Ali Bin Syed Mabsud Ali di atas sokongan dan dorongan mereka. Tidak lupa juga kepada Prof. Dr. Solehah Ishak, selaku penyelia yang banyak mendorong, membimbang serta menyumbangkan idea dan nasihat yang sangat berharga sepanjang proses menyiapkan tesis sarjana ini. Selain itu juga, ribuan terima kasih kepada En. Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) di atas sokongan beliau.

Kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Filem, Teater dan Animasi, yang sering membantu dalam memberikan pendapat dan juga cadangan yang bernas bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik, terima kasih diucapkan. Dan yang telah meluangkan masa membantu saya mencari informasi serta bahan-bahan mengenai tokoh sepanjang saya berada di Jakarta iaitu, Puan Evawani Ch. Anwar, En. Taufiq Ismail, Puan Ariany Isnamurti dan Puan Ritawati Jassin. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memurnikan tesis sarjana ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian semua. Insya-Allah.

Terima Kasih. Alhamdulillah.

Shah Alam, Disember 2016

KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
PENGAKUAN PELAJAR	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Pengertian Puisi	3
1.2.2 Sejarah Teori Resepsi	6
1.2.2.1 Perkembangan Teori Resepsi	6
1.2.2.2 Hans Robert Jauss dan Wolfgang Iser	7
1.2.2.3 Pendekatan Sinkronik dan Diakronik	10
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Signifikasi Kajian	15
1.6 Skop Kajian	16
1.7 Limitasi Kajian	17

BAB DUA: TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	18
2.2 Teori Resepsi	18
2.2.1 Konsep dan Prinsip Teori Resepsi	24
2.2.1.1 Konsep Teori Resepsi	25
2.2.1.2 Prinsip Teori Resepsi	26

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Chairil Anwar atau lebih dikenali sebagai ‘Si Binatang Jalang’ merupakan seorang penyair yang disanjungi. Puisi-puisinya telah memberi inspirasi dalam perjuangan menuntut kemerdekaan daripada penjajahan Belanda. Di samping itu, beliau juga turut mencipta *trend* baru dan membuka ruangan yang segar dalam dunia perpuisian Indonesia. Beliau diangkat oleh H.B. Jassin sebagai pelopor kesusasteraan Angkatan ‘45 di Indonesia.

Bagi melahirkan sesebuah karya puisi, pembacaan secara meluas merupakan elemen penting dalam mempengaruhi pengkarya untuk berfikiran terbuka. Hal ini kerana, pendekatan *mimemis* yang digunakan oleh Chairil Anwar telah membawa satu anjakan paradigma dan telah memberi satu impak besar kepada masyarakat. Merujuk kepada pernyataan rakan seperjuangan Chairil Anwar iaitu Asrul Sani (Chairil Anwar, 2000):

Dalam penulisan puisi, dia sangat profesional. Teknik penulisan sajaknya unggul betul. Dia melepaskan bahasa dari kekuasaan kaum guru. Bukankah guru menuntut tulisan sesuai dengan tatabahasa? Chairil tidak acuh pada aturan itu. Pada dia, bahasa adalah alat untuk mengutarakan sesuatu. (hal. xvi)

Pernyataan di atas menjelaskan bukti bahawa setiap ungkapan yang di tulis, sering memberi suatu kejutan demi kejutan. Dengan memilih diksi kata yang padat dan dinamik, puisi Chairil mampu menyuntik semangat masyarakat Indonesia suatu ketika dahulu dan sehingga kini masyarakat masih lagi membaca karyanya. Bahasa yang digunakan oleh Chairil merupakan bahasa yang lebih indah dan ringkas serta turut senang untuk difahami juga dapat dijadikan sebagai ungkapan harian masyarakat.

Dengan menelaah latar belakang Chairil merupakan salah satu elemen penting dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi tanggapan pengkaji terhadap penelitian puisi yang dilakukan. Contohnya, dari kecil lagi Chairil Anwar telah melalui pengalaman peristiwa hitam yang bermula daripada antaranya, ibu dan ayahnya bercerai dan